

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI HAJI AHMAD BIN HAJI
MASLAN [PONTIAN]**

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan semua usaha pembasmian kemiskinan tegar dan relatif serta kejayaannya di negara ini serta usaha yang sudah dan akan dibuat dalam kawasan Parlimen Pontian.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI MUSTAPA BIN MOHAMED,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (EKONOMI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebagai Kerajaan yang prihatin, tumpuan akan terus diberi kepada isi rumah daripada kumpulan B40 memandangkan kumpulan ini lebih memerlukan bantuan untuk meningkatkan pendapatan dan kesejahteraan.
2. Bagi mengurangkan kadar kemiskinan dan meningkatkan keupayaan isi rumah ini, isi rumah miskin dan berpendapatan rendah dari kumpulan B40 termasuk di Pontian diberi keutamaan dalam bantuan sosial merangkumi pendidikan, kesihatan, perumahan, keusahawanan dan bantuan sara hidup.

SOALAN NO : 23

3. Di samping itu, Kerajaan mempunyai perancangan yang mantap untuk meningkatkan pendapatan dan kuasa beli serta kesejahteraan isi rumah B40 melalui pendekatan berikut:

- i. Pertama, menyediakan program peningkatan pendapatan serta peningkatan keupayaan mendapat pekerjaan yang berpendapatan lebih tinggi dengan membina kapasiti dan keupayaan seperti Program Pemerkasaan Ekonomi Bandar dan Program Peningkatan Pendapatan;
- ii. Kedua, menambahbaik akses kepada keperluan asas termasuk pendidikan, kesihatan dan perumahan. Bagi perumahan sebagai contoh Program Perumahan Rakyat Termiskin, Program Bantuan Rumah dan Projek Perumahan Mampu Milik;
- iii. Ketiga, menggalakkan keusahawanan dan akses kepada pembiayaan kewangan untuk menjana pendapatan dengan menceburi bidang perniagaan seperti pembiayaan mikro seperti TEKUN dan program latihan keusahawanan; dan
- iv. Keempat, meningkatkan sistem perlindungan sosial dengan mewujudkan satu rangka kerja sistem perlindungan sosial yang bersepadu dan komprehensif termasuk Skim Peduli Kesihatan untuk Kumpulan B40 (PeKa B40).

4. Segala usaha Kerajaan ini diharap dapat meningkatkan pendapatan dan taraf hidup golongan miskin seterusnya mengurangkan kadar kemiskinan negara termasuk di Pontian.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KE-14**

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : DATUK SERI HAJI AHMAD
BIN HAJI MASLAN [PONTIAN]**

SOALAN

DATUK SERI HAJI AHMAD BIN HAJI MASLAN [PONTIAN] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan secara terperinci semua usaha penerangan dengan pelbagai kaedah termasuk secara media sosial sebelum dan semasa GST dilaksanakan serta nyatakan kejayaan jumlah kutipan serta bayaran balik tahunan dan nyatakan punca kegagalan serta kaedah mengatasi jika GST ingin dilaksanakan semula.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sebelum cukai GST dilaksanakan pada 1 April 2015, Kementerian Kewangan Malaysia, melalui Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) telah menjalankan siri jelajah GST dan mengadakan pelbagai sesi libat urus berkaitan GST bersama pihak pemegang taruh di seluruh Malaysia bagi meningkatkan tahap pemahaman GST di kalangan pemain industri, jabatan dan agensi Kerajaan diperingkat persekutuan dan negeri, organisasi bukan kerajaan (NGO) serta orang awam.
2. JKDM melalui kerjasama dengan NGO-NGO serta persatuan-persatuan perniagaan telah melaksanakan program-program latihan dan kesedaran untuk membantu peniaga memahami secara jelas dan mendalam peruntukan akta, perintah-perintah, ketetapan umum dan garis panduan berkenaan GST untuk meningkatkan pematuhan dan pelaksanaannya yang cekap.
3. Sesi "*Hand Holding*" juga diadakan kepada syarikat-syarikat yang telah mendaftar GST mengikut sektor/industri untuk memberikan penjelasan secara mendalam khususnya mengenai isu berbangkit bagi sektor/industri tertentu.
4. Selain itu, program "Jom Minta Resit GST" telah dianjurkan oleh Kerajaan yang mana program ini berlangsung dari bulan April 2016 hingga November 2016. Melalui program ini, selain dapat memberi kesedaran kepada pengguna tentang kepentingan untuk meminta dan menyimpan invois bercukai GST, ianya juga meningkatkan tahap pematuhan orang berdaftar GST terhadap kewajipan untuk mengeluarkan invois selaras dengan peruntukan di bawah Seksyen 33, 34 dan 36 Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014.

Tuan Yang di-Pertua,

5. Pengenalan cukai GST yang merupakan cukai kepenggunaan mempunyai banyak kelebihan, dan telah diamalkan di lebih 160 negara diseluruh dunia. Pada tahun pertama diperkenalkan, GST berjaya menjana kutipan bersih sebanyak **RM27.3 billion**. Bagi tahun 2016 dan 2017 pula, GST berjaya menjana kutipan hasil sebanyak **RM41.2 billion dan RM44.3 billion** kepada Kerajaan. Sehingga 1 Jun 2018, hasil kutipan GST adalah sebanyak **RM20.3 billion**.

6. Jumlah kutipan bersih GST, iaitu setelah ditolak *refund* berjumlah RM67.8 billion dari tahun 2015 sehingga dimansuhkan pada 1 Jun 2018 adalah sebanyak **RM133.10 billion**.

7. Kerajaan sedang menjalankan kajian dan mendapatkan pandangan serta maklum balas pelbagai pihak berkepentingan mengenai kesesuaian untuk melaksanakan apa-apa model cukai kepenggunaan dengan mengambil kira semua aspek termasuk kelemahan sistem cukai jualan dan cukai perkhidmatan sekarang, serta kelemahan sistem GST terdahulu. Kajian ini akan meliputi kesan ke atas ekonomi, kos sara hidup, kesan cukai ke atas harga barang serta keupayaan menangani kegiatan ekonomi gelap. Sebarang sistem cukai, samada ditambahbaik atau baharu, perlu bersifat mudah ditadbir dan tidak meningkatkan kos perniagaan di samping dapat mengukuhkan kedudukan fiskal negara.

8. Namun, Kerajaan tiada sebarang keputusan akan diambil dalam musim COVID-19 ini dan sehingga keadaan ekonomi telah pulih. Keutamaan pada masa ini adalah untuk menyokong usaha-usaha memerangi penularan COVID-19, melindungi rakyat dan menyokong perniagaan.

Sekian, terima kasih.